

KTPK 18/4/2.01 Jld. (70)



Ibu Pejabat
Jabatan Ukur dan Pemetaan
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur

22 Disember, 1995.

PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL. 4 TAHUN 1995
Panduan Pengukuran Dibawah Seksyen 49 Dan 353 Kanun Tanah Negara, Bagi
Lot-Lot Yang Dikeluarkan Hakmilik

1. Tujuan

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menyediakan garis panduan yang seragam semasa menjalankan ukuran bagi tujuan Seksyen 49 dan 353 Kanun Tanah Negara (KTN).

2. Latarbelakang

Adalah didapati beberapa Jabatan Ukur Negeri telah menjalankan ukuran di bawah Seksyen 49 dan 353 KTN keatas lot-lot yang telah dikeluarkan hakmilik sebelum KTN 1965 berkuatkuasa. Memandangkan kerja pengukuran ini perlu dijalankan mengikut peruntukan undang-undang, kemungkinan terdapat perbezaan tafsiran peruntukan tersebut. Oleh itu adalah difikirkan wajar satu garis panduan seragam disediakan untuk dipatuhi oleh Pengarah Ukur Negeri.

3. Kaedah Pengukuran

- 3.1 Dalam keadaan di mana sesuatu permintaan ukur mengenai Seksyen 49 dan 353 tidak jelas, Pengarah Ukur Negeri dinasihatkan supaya berhubung dengan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi mendapatkan penjelasan dan keputusan yang sewajarnya sebelum sesuatu kerja ukuran bagi tujuan tersebut disempurnakan.
- 3.2 Pengarah Ukur Negeri juga perlu mengambil perhatian terhadap Seksyen 13(1)(ii) KTN iaitu mengenai had pelupusan tanah dalam kawasan 50 meter dari tepi pantai, tebing sungai, tasik atau empangan.

- 3.3 Permintaan ukur perlu disediakan mengikut prosidur biasa sebelum tindakan ukuran bagi tujuan ini dijalankan.
- 3.4 Garispanduan sepertimana di LAMPIRAN 'A' diharapkan dapat membantu serta melicinkan urusan yang berkaitan semasa menjalankan ukuran yang dikehendaki mengikut Seksyen 49 dan 353 KTN.

4. Tarikh Berkuatkuasa

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh pengeluarannya.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

(DATO'ABDUL MAJID BIN MOHAMED)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

Edaran:

Semua Pengarah Ukur Negeri
Setiausaha,
Lembaga Juruukur Tanah

Salinan Kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik)
Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan)
Pengarah Ukur Bahagian (Penyelarasan Kadaster)
Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan)


LAMPIRAN 'A'

GARISPANDUAN PENGUKURAN DI BAWAH SEKSYEN 49 DAN 353 KANUN TANAH NEGARA (KTN) BAGI LOT-LOT YANG TELAH DIKELUARKAN HAKMILIK


1. PENGUKURAN DI BAWAH SEKSYEN 49 KTN

1.1 KES 1

- 1.1.1 Jika sungai merupakan sebahagian daripada lot bermilik (Rajah 1a) dan berubah alirannya di dalam lot (Rajah 1b).



Rajah 1a




Rajah 1b


Tindakan :

Ukuran semula tidak perlu dibuat oleh kerana perubahan sungai di dalam lot tidak dianggap sebagai 'advances so as to encroach on any alienated land' mengikut tafsiran Seksyen 49 KTN.

- 1.1.2 Jika sungai tidak merupakan sebahagian daripada lot bermilik (Rajah 1c) dan berubah alirannya di dalam lot (Rajah 1d).



Rajah 1c




Rajah 1d

Tindakan :


Mengukur semula lot bagi mengeluarkan aliran lama sungai yang merupakan Tanah Kerajaan. Tanda sempadan ditanam seberapa hampir dengan tebing aliran lama dan opset ke sungai baru diambil. Lot asal sekarang menjadi 3 lot .

1.2 KES 2

- 1.2.1 Jika sungai merupakan sebahagian daripada lot berimilik (Rajah 2a) dan aliran baru mundur ke luar lot (Rajah 2b).



Rajah 2a




Rajah 2b

Tindakan :


Ukuran semula tidak perlu dibuat oleh kerana perubahan aliran sungai tidak menjejaskan keluasan lot asal.

1.2.2

Jika sungai tidak merupakan sebahagian daripada lot bermilik (Rajah 2c) dan aliran baru mundur ke luar lot (Rajah 2d)



Rajah 2c



Rajah 2d


Tindakan :

Mengukur semula lot bagi mengeluarkan aliran lama sungai yang merupakan Tanah Kerajaan. Tanda sempadan ditanam seberapa hampir dengan aliran lama dan opset ke aliran sungai baru diambil.


Lot asal sekarang menjadi 2 lot, dipisahkan oleh aliran lama sungai.

1.3 KES 3

Jika sungai di luar lot berimilik (Rajah 3a) mara ke sebahagian kecil lot (Rajah 3b).



Rajah 3a



Rajah 3b

Tindakan :


Mengeluarkan bahagian lot yang terlibat dengan aliran baru sungai dengan menanam tanda sempadan seberapa hampir dengan tebing sungai tersebut.

atau


Mengukur simpanan sungai mengikut lebar simpanan jika simpanan diperlukan oleh PBN. Lot asal perlu diberikan nombor lot baru.

1.4 KES 4

Jika sungai di luar lot berimilik (Rajah 4a) mara ke sebahagian besar lot serta membahagi dua lot tersebut (Rajah 4b).



Rajah 4a



Rajah 4b

Tindakan :

Mengukur sungai dengan menanam tanda sempadan seberapa hampir dengan kedua belah tebing sungai tersebut.


atau

Mengukur simpanan di kedua belah tebing sungai mengikut lebar simpanan jika simpanan diperlukan oleh PBN. Lot asal sekarang menjadi 2 lot yang dipisahkan oleh aliran baru sungai.


2. PENGUKURAN DI BAWAH SEKSYEN 353 KTN

2.1 KES 1

Jika sempadan lot merupakan paramuka semula jadi (Rajah 5a) dan sungai mara ke dalam lot hingga melepasi garisan trabas sedia ada (Rajah 5b).



Rajah 5a




Rajah 5b

Tindakan :


Mengukur sempadan lot dengan menanam tanda sempadan seberapa hampir dengan tebing sungai dan opset ke sungai diambil. Lot asal perlu diberikan nombor lot baru.

2.2 KES 2


Jika sempadan lot merupakan paramuka semula jadi (Rajah 6a) dan sungai/laut mundur ke luar lot (Rajah 6b).




Rajah 6a



Rajah 6b



Rajah 6c



Rajah 6d

Tindakan :


- (a) Mengukur sempadan lot mengikut garisan trabas yang dahulunya digunakan bagi tujuan menetapkan sempadan paramuka semula jadi (Rajah 6c). Lot asal perlu diberikan nombor lot baru.

atau


- (b) Mengukur sempadan lot serta memasukkan di dalam sempadan apa-apa topangan, tembok sungai atau lain-lain binaan yang telah dibina dengan sah (Rajah 6d).

2.3 KES 3

Jika sempadan lot terdiri dari paramuka semulajadi sungai (Rajah 7a) dan mara ke dalam lot dengan membahagi dua lot (Rajah 7b).



Rajah 7a



Rajah 7b

Tindakan :

- (a) Mengukur sungai dengan menanam tanda sempadan seberapa hampir dengan kedua belah tebing.

atau

- (b) Mengukur simpanan di kedua belah tebing sungai mengikut lebar simpanan jika simpanan diperlukan oleh PBN.

Bagi kedua-dua tindakan (a) dan (b), sempadan lot yang bersebelahan dengan aliran lama sungai hendaklah diukur mengikut trabas yang sedia ada (jika ada) atau mengikut seberapa hampir dengan aliran lama sungai tersebut.

Lot asal sekarang menjadi 2 lot yang dipisahkan oleh aliran baru sungai.